

12/03/2002

Cetak rompak: Syarikat rakaman minta bantuan PM

Zul Husni Abdul Hamid

SYARIKAT rakaman di negara ini bersepakat menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bagi membantu masalah industri muzik yang kini teruk terjejas angkara cetak rompak.

"Syarikat rakaman kini tidak lagi membuat keuntungan. Banyak penggiat muzik terpaksa mencari jalan lain untuk meneruskan hidup. Disebabkan itu, kami akan cuba mendapatkan sokongan kerajaan untuk menghapuskan gejala ini," kata Pengarah Urusan Nova Music, Rosmin Hashim ketika membincangkan isu Penjualan Album Lembap dalam Dialog Metro Ahad, di Balai Berita, baru-baru ini.

Katanya, jika masalah ini tidak segera dibendung, Malaysia pasti akan menjadi seperti Singapura di mana syarikat rakaman hanya bertindak sebagai pengedar album artis luar.

"Banyak lagu bermutu dihasilkan kini namun tetap tidak membantu penjualan album. Adalah tidak adil jika penggiat memberikan yang terbaik, namun peminat terus-terusan menyokong barangan cetak rompak," katanya.

Pun begitu, bagi Pengurus Artis & Repertoire BMG Music (M) Sdn Bhd, Mohd Firhad, keadaan penjualan album yang kurang memberangsangkan dijadikan cabaran untuk mencari apa yang bersesuaian dengan kehendak peminat semasa.

Katanya, walaupun kini industri muzik tempatan kembali kepada keadaan 15 tahun lalu, namun mereka percaya masih ada harapan untuk terus mempertahankannya.

"Apa yang perlu, kita kena berikan lagu yang tepat dan sesuai dengan kehendak peminat hari ini. Adalah menjadi tanggungjawab kepada syarikat rakaman memberikan apa yang peminat kehendaki.

"Kami mengambilnya sebagai cabaran untuk merangsang minda pendengar," katanya.

Kata Firhad, masalah berkenaan bukan hanya dialami di sini, sebaliknya turut dikongsi penggiat muzik seluruh dunia.

Katanya, ia kian meruncing sejak empat tahun kebelakangan malah turut diutarakan ketika Anugerah Grammy ke-44 berlangsung, baru-baru ini.

"Di Amerika Syarikat, kajian mendapati 50 peratus daripada rakyatnya tidak membeli cakera padat. Manakala di sini, masalah itu mula serius empat atau lima tahun lalu dan langkah mengecilkan saiz operasi syarikat rakaman terpaksa dibuat untuk terus memperjuangkan muzik.

"BMG Music adalah syarikat pertama menjalankan tindakan seperti itu dan ini diikuti EMI (M) Sdn Bhd. Banyak artis berbakat terpaksa dilepaskan kontrak dan ini adalah kerugian kepada industri muzik.

"Ia sudah kembali kepada zaman 14-15 tahun lalu. Kalau dulu, album kita dapat mencecah 300,000 unit tetapi kini turun satu pertiga daripada jumlah itu.

"Tahun lalu saja industri mencatat kemerosotan sebanyak 30 peratus dengan penjualan album tertinggi dicatat oleh kumpulan dari Indonesia, Sheila On 7," katanya.

Pun begitu, pengurusan syarikat rakaman sepakat menolak andaian harga album yang tinggi sebagai punca album tempatan kurang mendapat sambutan.

"Soal harga bukan isu utama kerana kami sudah melakukan usaha untuk menurunkan harga namun ia tidak banyak membantu. Mungkin juga lagu yang diberikan kini tidak begitu menambat hati pendengar," katanya.

Sementara itu, penyanyi Deja Moss pula berkata, artis adalah golongan yang teruk terjejas hingga menyukarkan mereka mendapat kepercayaan daripada syarikat rakaman.

"Sudah tiga tahun menjadi penyanyi rakaman, saya akui tidak boleh terlalu mengharap pada royalti album. Jika mengharap, sudah lama saya gulung tikar. Mujur persembahan pentas banyak memberikan sumber pendapatan.

"Tidak guna juga memberikan kualiti jika peminat tidak menyokong kami dengan membeli album asli," katanya.

(END)